

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN**  
**ASEAN CO-OPERATIVES ORGANIZATION**

**MAJLIS PENYAMPAIAN  
“MOCK CHEQUE” PEMBIAYAAN KOPSYA**

**15 OGOS 2022 (ISNIN)  
AUDITORIUM ANGKASA**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA MAJLIS]**

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan,  
Puan-Puan Serta Wakil Media Yang  
Dihormati Sekalian...

---

1. Saya mengambil kesempatan ini memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya kita dapat bersama-sama berkumpul di dewan ini, bagi Majlis Penyampaian Mock Cheque Pembiayaan Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPYSA).

2. Dalam kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil koperasi ke majlis ini.

3. Tidak lupa juga, saya merakamkan ucapan terima kepada kepada dif-dif jemputan kehormat daripada Anggota Lembaga KOPSYA dan ANGKASA yang dapat hadir ke majlis ringkas ini.

## **Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

4. Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 7 Julai 2011.
5. Bertepatan dengan objektif utama

KOPSYA iaitu menawarkan pembiayaan kredit dan projek, pelaburan dan khidmat nasihat kewangan berasaskan patuh syariah, KOPSYA berusaha menggarap potensi kapasiti besar melalui permodalan bersama gerakan koperasi yang efisien serta akses kepada pasaran kewangan yang komprehensif.

6. Melalui modal sumber yang diperolehi daripada institusi perbankan, modal syer dan pelaburan selama hampir 11 tahun, KOPSYA kini telah mempunyai seramai 1528 buah Koperasi yang menjadi anggota KOPSYA dengan modal saham terkumpul sebanyak RM52 juta.



7. Sehingga kini, sebanyak RM447 juta pembiayaan telah ditawarkan kepada koperasi dan hasilnya, KOPSYA telah berjaya menjana keuntungan bersih sebanyak RM7.8 juta bagi tahun berakhir 2021.

8. Perkembangan dan prestasi yang positif ini, turut menyaksikan sokongan

daripada institusi perbankan dengan menawarkan penambahan dana baharu modal kerja kepada KOPSYA sebanyak RM90 juta pada tahun ini.

**Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

9. Pada hari ini, KOPSYA mengambil inisiatif mengadakan majlis penyampaian “Mock Cheque” kepada koperasi-koperasi yang berjaya mendapat pembiayaan daripada KOPSYA.

10. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada 7 buah koperasi yang telah menerima

pembiayaan berjumlah keseluruhan RM121.26 Juta.

11. Dari jumlah tersebut, sebanyak 6 buah koperasi kredit telah memperolehi pembiayaan kredit berjumlah RM120.0 juta manakala 1 buah Koperasi menerima pembiayaan bagi projek hartanah berjumlah RM1.260 juta.

12. Dengan pembiayaan yang ditawarkan ini, akan dapat membantu koperasi menjalankan aktiviti operasi dan seterusnya dapat menjana pendapatan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada anggota-anggotanya.

13. Akhir kata, KOPSYA akan sentiasa terus kompetitif supaya lebih banyak koperasi dapat menikmati pembiayaan melalui dana yang diberikan dan seterusnya dapat melonjakkan prestasi koperasi ke tahap yang yang lebih tinggi.

14. KOPSYA akan terus mendahulukan keperluan Koperasi seiring dengan Visi

dan Misi KOPSYA untuk memacu kemajuan gerakan koperasi di seluruh malaysia.

Dengan harapan tersebut dan lafaz bismillahir rahmannir rahim saya merasmikan Majlis Penyampaian Mock Cheque Pembiayaan Koperasi

Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad  
(KOPYSA).

Sekian, Wabillah hi taufiq wal hidayah.  
Wassalamualaikum wrt wbt.